

## Kerangka Konseptual Perakaunan: Islam Atau Konvensional?

Zaleha Othman\*  
Abdullah Haji Abdul Ghani  
Nasri Naiimi  
Rohami Shafie  
Mohamad Sharofi Haji Ismail  
Fathilatul Zakimi Abdul Hamid

<https://doi.org/10.58458/ipnj.v06.01.02.0041>

Kolej Perniagaan  
Universiti Utara Malaysia

### Abstrak

Buat masa ini sistem perakaunan yang diamalkan di Malaysia dan kebanyakan negara lain adalah merujuk kepada kerangka konseptual (KK) konvensional. Di antara limitasi KK konvensional adalah ianya bermatlamatkan keuntungan semata-mata. Tetapi di dalam agama Islam sesuatu KK hendaklah menjurus kepada keadilan sosial dan ekonomi yang bertauhidkan Allah. Disebabkan perbezaan matlamat tersebut, penulisan ini cuba untuk mengengahkan pendapat dengan merujuk kepada Al-Quran, Sunnah Rasulullah dan penulisan-penulisan lalu tentang prinsip dan amalan perakaunan Islam yang perlu ada di dalam sesuatu KK. Ini adalah kerana KK akan menjadi rujukan dan panduan dalam pembentukan sesuatu standad perakaunan Islam. Diharapkan usaha awal penulisan ini, akan ditambah baik lagi untuk penyediaan KK perakaunan Islam yang akan datang, bermatlamatkan Tauhid kepada Allah.

**Kata Kunci:** Perakaunan Islam, Kerangka Konseptual, Perakaunan, Konvensional, Standad Perakaunan.

### Abstract

The conventional conceptual framework has always been the referred accounting framework for Malaysia and other countries. However, there is limitation of the conventional conceptual framework, it is merely profit oriented. Contrastingly, guided by the Tawheed perspective, Islamic conceptual framework takes into account the social and economy objectives. Due to the differences, this paper intends to put forth the understanding of the Islamic conceptual framework based on the A-Quran, Sunnah also scholars view related to the principles and practices of the Islamic accounting standard. The Islamic conceptual framework is a start up hence it is hope that this initial initiative will be improved in future in order to develop comprehensive conceptual framework that reflect the subservient to Allah.

**Keywords:** Islamic Accounting, Conceptual Framework, Accounting, Conventional, Accounting Standard.

### Pengenalan

Dalam bidang perakaunan, Kerangka Konseptual (KK) digunakan sebagai asas dalam menyediakan laporan kewangan. KK memberi panduan kepada para akauntan dari segi memberi pemahaman berkaitan konsep, pengukuran dan ciri-ciri maklumat kewangan. Sumbangan yang ketara dalam KK adalah ia memperjelaskan konsep-konsep dan amalan perakaunan sebagai rujukan dalam membuat keputusan terutama kepada pengguna.

Persoalan yang timbul adalah adakah KK konvensional yang sedia ada ini sesuai dan

\*Penulis adalah pensyarah kanan di Kolej Perniagaan Universiti Utara Malaysia. Projek penyelidikan ini telah dibiayai oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia

sempurna untuk dijadikan panduan dan amalan perakaunan, khususnya perakaunan khususnya perakaunan Islam? Banyak perdebatan timbul yang mempersoalkan kesesuaian KK perakaunan yang sedia ada, yang biasanya dinamakan sebagai KK konvensional. Dalam meninjau sebahagian ulasan karya, terdapat perdebatan-perdebatan dari beberapa sarjana perakaunan seperti Napier dan Hanifa (2011), yang menjelaskan batasan-batasan KK konvensional untuk memenuhi dan melengkapi urusan transaksi kontemporari. Napier dan Hanifa (2011) berpendapat KK konvensional kurang praktikal untuk menyelesaikan permasalahan dalam mengakaunkan sesuatu transaksi. Ada di kalangan sarjana perakaunan lain yang turut bersependapat dengan Napier dan Hanifa (2011) bahawa kerangka konsep perakaunan konvensional mempunyai batasan dalam mempamerkan keadilan kepada para pengguna. Shahul (2000) berpandangan bahawa KK yang baik seharusnya dapat menyediakan dan mempertimbangkan beberapa maklumat yang diperlukan oleh masyarakat Islam. Ini turut dipersetujui oleh Adnan dan Gaffikin (1997) yang mencadangkan bahawa memenuhi akauntabiliti kepada Tuhan dengan membayar zakat sepatutnya menjadi objektif utama maklumat perakaunan untuk Institusi Islam. Baydoun dan Willet (2000) juga menegaskan bahawa tidak seperti perakaunan konvensional, KK Islam memberi tumpuan kepada Allah dan masyarakat dan bukannya kepentingan individu. Tidak seperti pemikiran Barat yang lebih tertumpu kepada akauntabiliti peribadi, Islam menekankan kepada perspektif akauntabiliti sosial. Akibatnya, ia mewujudkan kesangsihan terhadap matlamat KK terutamanya dari segi mempersembahkan maklumat perakaunan semasa yang lebih realistik dan adil. Pendek kata, ia menimbulkan satu kesamaran kepada pengguna dan keaburan terhadap teori rangka kerja perakaunan konvensional

ini yang menghalang keberkesanan dalam menjadikan sesuatu keputusan itu berguna berdasarkan maklumat perakaunan.

Lanjutan dari keaburan KK konvensional ini, beberapa sarjana perakaunan telah memberi pendapat bahawa asas perakaunan Islam adalah wajar untuk menyelesaikan permasalahan KK konvensional (Napier dan Haniffa, 2011). Seseengah pula melihat bahawa keperluan untuk perakaunan Islam amat sesuai dewasa ini memandangkan penggunaan dan pembangunan kewangan Islam yang semakin berkembang (Maurer, 2002). Oleh itu, satu piawaian yang lengkap diperlukan.

Malangnya, sungguhpun terdapat hujah, kritik dan perbahasan yang menyelubungi kerangka kerja konvensional dan pernyataan serta sokongan akan keperluan kepada perakaunan Islam, terdapat sedikit kajian mengenai perakaunan Islam. Walaupun dalam beberapa tahun kebelakangan ini ada usaha dan inisiatif dari kedua-dua pengamal perakaunan dan ahli akademik dalam memperkenalkan perspektif perakaunan Islam, ianya masih lagi kurang dikaji dan diperdalami.

Meninjau ulasan karya dari perspektif perakaunan, didapati bahawa terdapat banyak bukti kajian empirikal mengenai kewangan Islam tetapi perbincangan mengenai konseptual perakaunan Islam masih terbatas. Kebanyakan kajian lebih menjurus kepada Institusi Kewangan Islam khususnya. Sedangkan Islam itu syumul untuk semua segenap makhluk dan juga institusi. Kekangan terhadap bukti empirikal ini menunjukkan keperluan untuk memperincikan lagi pengetahuan dan pemahaman tentang bagaimana perakaunan Islam boleh memberi manfaat kepada permasalahan perakaunan.

Dalam mengambil kira jurang dan profesion

perakaunan ini selanjutnya, kertas kerja ini memperkenalkan rangka kerja konseptual yang realistik, iaitu rangka kerja perakaunan Islam. Secara keseluruhannya, penulisan ini cuba untuk membangunkan satu kerangka kerja perakaunan berasaskan Islam. Dalam mengambil langkah untuk memajukan lagi saranan sarjana perakaunan seperti Mirza dan Bardouyn (1999), kertas kerja ini memberi penjelasan kepada persoalan apakah kelebihan KK Islam berbanding KK konvensional dengan menumpukan gambaran KK perakaunan dari kaca mata Islam.

Kertas kerja ini disusun seperti berikut, pertama ia menjelaskan kerangka konsep konvensional, diikuti dengan kerangka konsep Islam dan hujah yang berkaitan dengan jurang konvensional yang menyokong terhadap penggunaan kerangka konsep Islam.

### **Kerangka Konseptual Konvensional**

KK konvensional menyediakan struktur untuk pembangunan standard dalam proses perakaunan. Godfrey, Hogson, Tarca, Hamilton dan Holmes (2010) menegaskan bahawa KK bermatlamat untuk menyediakan satu struktur teori perakaunan (p.94). Godfrey et al (2010) dalam buku bertajuk "Accounting Theory" menghuraikan beberapa manfaat yang diperolehi daripada KK seperti keperluan pelaporan yang konsisten dan logik kerana berpandukan kepada satu set konsep-konsep yang teratur. Pada lumrahnya, kertas kerja ini melihat KK konvensional sebagai suatu alatan bagi menerangkan objektif, konsep dan kaedah-kaedah umum yang perlu bagi tujuan mempersembahkan laporan kewangan yang informatif dan lengkap. Dengan kata lain, KK konvensional bertindak sebagai sumber utama akauntan kerana ia membantu dan memberi penyelesaian kepada permasalahan perakaunan dalam sesuatu urusan.

Secara khusus, Godfrey et al (2010) telah menghuraikan KK konvensional dalam beberapa tahap iaitu; definisi pelaporan kewangan, definisi entiti pelaporan, objektif, asas yang merangkumi ciri-ciri kualitatif dan unsur-unsur, tahap operasi yang merangkumi asas pengenpastian, asas dan teknik pengukuran, tahap pemaparan (display) yang merangkumi pendedahan kedudukan kewangan, perubahan kedudukan kewangan dan pematuhan. Sebagaimana dinyatakan oleh Godfrey et al (2010), komponen-konvensional dibangunkan sebagai panduan bagi mengaplikasikan transaksi perakaunan, bagi mengurangkan ketidakseragaman amalan dan memberi pemahaman yang jelas berkaitan pelaporan.

### **Kritik kepada KK Konvensional**

Sejak kebelakangan ini, telah timbul kesedaran bahawa KK perakaunan konvensional dikritik akan kerberkesannya dalam memenuhi keperluan pelbagai pihak. Nampaknya kekaburan dan kerumitan urusan perniagaan kini menghalang keupayaan KK Konvensional untuk mengiktiraf sifat sesuatu urusan itu dan masalah pengukuran pula timbul disebabkan lanjutan dari kekaburan pengiktirafan sesuatu sifat urusan.

Sebagai contoh, para sarjana membincangkan bahawa pendekatan '*rule-based*' tidak sesuai di masa kini. Umpamanya, Godfrey et al (2010) menjelaskan bahawa pendekatan '*rule-based*' tidak berkesan kerana ia mengundang manipulasi peraturan.

Terdapat juga masalah totalitarism ekonomi iaitu kebergantungan kepada manfaat ekonomi. Apa yang ketara, teori perakaunan sangat berhubungan dengan pemaksimuman kekayaan (teori ekonomi) menyebabkan keutamaan kebiasaannya kepada keuntungan. Keutamaan ini menyebabkan berlakunya

secara menonjol ketidakseimbangan keperluan dan kepentingan sosial. Andaian sesetengah sarjana, KK konvensional adalah didorong oleh kepentingan diri, -justeru itu profesion perakaunan telah mewarisi falsafah Adam Smith. Akibatnya, terdapat ketidakseimbangan sosial di mana pemaksimuman kekayaan dipusatkan kepada kepentingan golongan tertentu sahaja. Kebelakangan ini, ketidakseimbangan sosial adalah jelas di mana banyak skandal korporat menunjukkan wujudnya unsur pengambilan kesempatan. Ini membuktikan bahawa orientasi pengaplikasian teori ekonomi telah diterap dengan tebal dalam pemikiran dan pelaksanaan KK konvensional.

### Apakah Pilihan kepada Kritis KK Konvensional?

Kewujudan *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions* (AAOIFI) dan pengstrukturannya piawai perakaunan oleh AAOIFI membuktikan bahawa penyelesaian kepada ketidakberkesanan dan kepincangan dalam melestarikan KK konvensional. Napier dan Haniffa (2011) dalam buku *'Islamic Accounting'* telah memberi gambaran bahawa perakaunan Islam dapat menyelesaikan masalah perakaunan. Mereka menegaskan bahawa perakaunan Islam mungkin akan diminati pada masa akan datang. Perkara yang sama telah diujah sejak 2002 terutamanya oleh Haniffa dan Hudaib (2002) di mana mereka berpendapat alternatif ataupun pilihan kepada KK konvensional adalah perlu untuk mengatasi permasalahan perakaunan yang tidak seimbang dan saksama. Tambahan lagi, Haniffa dan Hudaib (2002) telah menyarankan alternatif KK mengikut Syariah Islam sebagai asas amalan perakaunan. Cadangan mereka disokong oleh Robert Napier (Napier dan Haniffa, 2011), seorang profesor bidang perakaunan bahawa perakaunan Islam diperlukan dan sepatutnya berkembang

seiring dengan perkembangan industri perbankan Islam yang tidak secara langsung akan mengalakkan perakaunan Islam.

### Perakaunan dalam Islam

Sesuatu yang menakjubkan, terdapat ayat di dalam Al Quran sebagai contohnya surah al-Baqarah, ayat 282 yang telah menjadi perlembagaan dan penunjuk jalan bagi seseorang Islam untuk mengambil kira di segi membuat catatan terhadap setiap aktiviti ekonominya.

Selain daripada itu, terdapat juga ayat Al Quran yang secara tidak langsung merujuk kepada keperluan perakaunan khususnya dalam menegakkan keadilan dalam segala urusan yang kita lakukan seperti yang terdapat dalam surah al-Muthaffifin, ayat 1 – 6 yang bermaksud,

*“Kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang curang. Iaitu orang-orang yang apabila menerima sukat dari orang lain mereka minta dipenuhi. Dan apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka mengurangi. Tidakkah orang-orang itu yakin, bahawa sesungguhnya mereka akan dibangkitkan. Pada suatu hari yang besar. Iaitu hari manusia berdiri menghadap Tuhan semesta alam”.*

Asfadillah, Nur Latifah dan Sukmana (2012) dalam penulisan mereka mengenai perakaunan dalam Islam membincangkan polisi perakaunan yang menyokong kenyataan di atas, bahawa konsep akauntabiliti itu adalah fundamental atau asas dalam Islam.

Secara khususnya, Asfadillah et al (2012) menterjemahkan ayat tersebut dalam konteks polisi perakaunan seperti berikut:

1. Ketepatan, kesempurnaan dan ketelusan dalam merekod kedua-dua

urusniaga kewangan dan perniagaan oleh akauntan yang bertauliah.

2. Kontrak bertulis mesti dibuat sebagai bukti terutamanya terhadap kontrak hutang.

3. Kontrak bertulis mesti mempunyai sekurang-kurangnya dua orang saksi lelaki atau seorang lelaki bersama-sama dua orang saksi perempuan yang jujur sebagai mekanisma semak dan imbang, memastikan ketepatan akauntabiliti dan memastikan pihak yang berkontrak dengan benar memegang kewajipan kewangan mereka.

4. Kebendaan (*materiality*) adalah penting untuk memastikan pengiktirafan yang tepat daripada jumlah urusan kewangan dan perniagaan, hak dan tanggungjawab kedua-dua pihak yang berkontrak.

5. Takut kepada Tuhan (ALLAH) untuk semua pihak yang berurusanniaga bagi memastikan kesaksamaan dan keadilan dalam perakaunan bagi sesuatu urusanniaga kewangan dan perniagaan.

### Kerangka Konseptual Islam

Sebagaimana KK konvensional, KK Islam menyediakan maklumat untuk membuat keputusan dan maklumat tersebut mengandungi prinsip-prinsip bagi tujuan perniagaan dan perakaunan untuk perniagaan tersebut. Walau bagaimanapun, konsep KK Islam berlandaskan kepada konsep khalifah di mana setiap manusia mempunyai tanggungjawab kepada manusia dan pada ALLAH S.W.T. Dari perspektif perakaunan, setiap khalifah wajar untuk membuat akaun untuk perniagaan dengan jelas dan konsisten selari dengan konsep khalifah.

Satu lagi keunikan KK Islam adalah KK Islam mengaitkan objektif perakaunan bagi perniagaan tersebut dengan kepercayaan

kepada keesaan Tuhan dan Tuhan (ALLAH) juga adalah pemilik mutlak segala kekayaan serta manusia hanyalah sekadar pemegang amanah sahaja. Dalam erti kata lain, dari segi KK Islam agama dengan perniagaan tidak boleh dipisahkan. Atas dasar itu, Mirza dan Bardouin (1999) mencadangkan satu kerangka kerja perakaunan bertujuan untuk menyediakan piawaian perakaunan yang selaras dengan kehendak Syariah. Rajah 1 menggambarkan konsep KK Islam yang dicadangkan oleh Mirza dan Bardouyn (1999).

Rajah 1: "Developing Accounting Standards for an Islamic Society"

Membangunkan Piawaian Perakaunan  
untuk Masyarakat Islam  
Perundangan Syariat Islam

!

!

Masyarakat Islam

!

!

Firma-Firma

!

!

Kontrak-Kontrak (Akad)

!

!

Piawaian Laporan Dan Perakaunan

!

!

Polisi-Polisi Perakaunan


Sumber: Mirza, M. dan Bardouyn, N. (1999). Developing Accounting Standards for an Islamic Society. Accounting Policy Choice in an Interest-Free Environment. Working Paper No. 1999-014.

Selain Mirza dan Bardouin (1999), Haniffa and Hudaib (2002) turut memperkenalkan KK berlandaskan Islam. Menurut Haniffa and Hudaib (2002), objektif utama perakaunan sepatutnya distrukturkan berlandaskan tiga konsep asas iaitu al-adl, al-ihsan dan al-

falah. Menurut Haniffa and Hudaib (2002), perakaunan Islam sepatutnya mengambil kira bukan sahaja perkara-perkara teknikal tetapi authoriti. Asas-asas etika wahyu seperti mu'minun, 'adl, tazkiyah, amanah, mas'uliyah, 'ilm, syura, balaghah dan kebijaksanaan adalah prinsip-prinsip yang

memberi jalan dalam pembentukan teknikal iaitu dalam menyelesaikan permasalahan pendedahan dan pengukuran. Zakat umpamanya, menitikberatkan status urusanniaga yang halal dan kewaspadaan merekod serta mengamati tarikh kejadian urusanniaga bagi tujuan zakat amatlah penting.

Rajah 2: Cadangan Kerangka Konseptual Islam



Sumber: Haniffa and Hudaib (2002) seperti dalam Napier and Haniffa (2010). *Islamic Accounting*, Elgar Publication: 73.

Rajah 2 pula adalah cadangan yang lebih terperinci di mana Haniffa dan Hudaib (2002) telah mereka bentuk KK Islam di mana perakaunan dikenalpasti dalam Islam sebagai sebahagian daripada agama (al-deen). Bertitik tolak di atas fakta tersebut, Allah s.w.t. tidak menafikan bahawa perakaunan adalah amat diperlukan dan ianya jelas dapat diperhatikan dalam surah al-Baqarah, ayat 282 yang mana ayat itu menekankan kepada proses perekodan sebagai sebahagian daripada aktiviti perniagaan.

*“Hai orang-orang yang beriman, apabila anda bermuamalat dengan secara hutang sehingga suatu masa yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan benar. Dan janganlah penulis itu enggan menuliskannya sebagaimana Allah telah mengajarkannya....”*

Ayat ini menunjukkan bahawa perakaunan adalah satu proses keagamaan dan sosio-ekonomi dan politik yang perlu disepadukan. Tambahan lagi, Allah tidak mengecualikan perniagaan dan perakaunan dari segi Islam. Oleh yang demikian, tujuan utama perbincangan ini adalah untuk mengembangkan konsep ini yang mana ianya termasuk empat kriteria penting yang dipercayai merupakan fundamental atau asas dalam perakaunan untuk KK Islam. Jadual 1 di bawah menggambarkan kriteria-kriteria tersebut.

Kriteria yang dinyatakan di atas menggambarkan satu proses bersepadu dalam menjalankan perniagaan di mana aktiviti perniagaan adalah sebahagian daripada ibadah dan perakaunan bagi sesuatu kejadian atau urusan tersebut mestilah sejajar dengan ibadah. Oleh itu manusia sebagai khalifah Allah, berkewajipan melaksanakan tugasnya sebagai wakil atau khalifah kepada Allah di atas muka bumi ini. Pendek kata, setiap manusia itu mempunyai tanggungjawabnya sebagai khalifah. Tambahan lagi, terdapat satu lagi ayat dalam al-Quran yang menegaskan kepada manusia sebagai khalifah di atas muka bumi ini. Ayat tersebut adalah dalam surah al-Baqarah, ayat 30 yang bermaksud:

*“Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: “Sesungguhnya aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi”. Mereka berkata: “Mengapa engkau hendak menjadikan khalifah di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji engkau dan mensucikan engkau?” Tuhan berfirman: “Sesungguhnya aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui”.*

Jadual 1: Kriteria aktiviti ekonomi menurut Islam

	Kriteria-Kriteria Aktiviti Ekonomi Yang Dipertimbangkan Dalam Perakaunan Islam
1	Kehalalannya (dibenarkan dalam Islam)
2	Bebas daripada syubhah (kesamaran)
3	Bebas daripada riba
4	Bebas daripada <i>gharar</i> (ketidakpastian)
5	Bebas daripada judi

Sumber: Dari kajian penyelidikan

Pengakhiran yang muktamad bagi sesuatu urusan perniagaan adalah untuk memenuhi lima kriteria Islam. Islam melarang amalan judi, riba, berhati-hati dalam masalah syubhah dan sebagainya. Ini bertepatan dengan al-Quran dalam surah al-Baqarah, ayat 275 dan 276 yang bermaksud;

*“Orang-orang yang memakan riba tidak dapat berdiri (pada hari kiamat) melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk oleh syaitan (iblis) dengan terhoyong-hayang kerana sentuhan syaitan tersebut. Itu adalah kerana mereka berkata:*

*“Sesungguhnya perniagaan itu sama sahaja seperti riba, padahal, Allah telah menghalalkan perniagaan dan mengharamkan riba. Oleh itu, sesiapa yang telah datang kepadanya nasihat dari Tuhannya dan berhenti memakan riba, maka apa yang telah diambilnya dahulu sebelum pengharaman itu adalah menjadi haknya dan hal itu terserahlah kepada Allah, dan sesiapa yang mengulanginya lagi, maka mereka adalah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya”*

*“Allah akan menyusutkan harta riba dan akan menyuburkan sedekah. Dan Allah tidak suka kepada setiap orang-orang yang kafir lagi berdosa”.*

Daripada perspektif Islam, setiap seseorang khalifah mempunyai tanggungjawab terhadap khalifah yang lain. Oleh yang demikian, ia bererti bahawa manusia hanyalah wasilah agar sistem tersebut dapat berjalan secara berkesan dalam landasan yang haq. Manusia mempunyai misi yang tersendiri untuk melakukan amalan makruf sebagai hamba yang bertanggungjawab kepada Tuhannya (Allah). Setiap tindakan mesti selari dengan kehendak Allah.

Tambahan lagi, Rasulullah (s.a.w) telah bersabda:

*“Setiap kamu adalah pengembala dan setiap pengembala tersebut bertanggungjawab kepada segala pengembalaannya”.*

### **Perbincangan Keistimewaan Kerangka Perakaunan Islam**

Perbezaan yang nyata dalam sesuatu kerangka perakaunan Islam adalah sifatnya yang lebih menitikberatkan kepada keesaan Allah yang menitikberatkan persoalan ibadat kepada Allah dalam segala bentuk perbuatan sama ada yang berkaitan terus kepada Allah seperti ibadat khusus mahu pun yang berkaitan secara tidak langsung kepada Allah seperti ibadat umum contohnya dalam soal perakaunan ini. Tumpuan ibadat adalah untuk melakukan amalan soleh ataupun sesuatu kebajikan yang membawa kesejahteraan kepada makhluk ciptaan Allah. Oleh itu, dalam perakaunan Islam, pemfokusan adalah kepada satu bentuk akauntabiliti sosial daripada akauntabiliti peribadi sebagaimana yang dipegang dalam standard perakaunan kewangan barat (Baydoun & Willett, 2000).

Tambahan lagi, disebabkan fokus kerangka perakaunan Islam ini lebih kepada konsep mengutamakan Allah dalam segala urusannya sama ada secara khusus ataupun umum melalui pegangan terhadap konsep khalifah di atas muka bumi ini, maka maklumat perakaunan kewangan yang dibentangkan memberi tumpuan kepada semua pihak yang berkepentingan; pemilik, pelabur, pemiutang, pengurusan, pekerja, dan juga masyarakat. Bukan sekadar kepada pemegang saham dan mereka yang berkepentingan secara langsung sahaja. Ia telah memberi inspirasi kepada kemunculan perakaunan sosial ekonomi, perakaunan nilai tambah, dan perakaunan sumber manusia. Konsep ini adalah lebih serasi untuk

perakaunan mesra alam kerana ianya bersifat "cinta Allah" (Harahap, 2008). Oleh itu, jika cinta Allah diberi keutamaan, sudah tentulah segala keperluan makhluk yang dijadikan Allah akan tercapai dengan sendirinya kerana kejadian kita semua berasal dari Allah. Akan tetapi jika kita hanya cuba memuaskankan hati makhluk-makhluk terpilih sahaja, sudah tentu keredhaan Allah belum pasti tercapai dan sudah tentulah keberkatan dan kerahmatan Allah akan jauh untuk dikecapi. Akibatnya kita akan jauh dari kejayaan yang hakiki.

Bagaimanapun, beberapa pengkaji telah mendapati nilai yang terdapat dalam konsep yang berasaskan kerangka perakaunan Islam ini kurang diminati dan diamalkan oleh masyarakat walaupun mereka terdiri daripada masyarakat Islam. Yaya (2004) cuba untuk melihat sama ada penyata yang berteraskan kerangka perakaunan Islam membawa kepada perbezaan penggunaan yang ketara daripada penyata yang sedia ada dalam kerangka perakaunan konvensional. Hasilnya menunjukkan bahawa subjek dalam kajian tersebut tidak membawa kepada perbezaan tersebut. Hal ini adalah selari dengan dapatan seorang lagi pengkaji di Malaysia, yang membandingkan pendapat responden Islam mengenai penyata tersebut dari segi penggunaannya (Sulaiman, 2003)

### Rumusan

Berdasarkan kepada penulisan di atas, ternyata bahawa konsep kerangka kerja Perakaunan Islam adalah jauh berbeza dari segi dasarnya yang membawa kepada perbezaan dari segi falsafah, matlamat dan tujuannya. Secara umumnya, kerangka kerja perakaunan Islam adalah berasaskan wahyu sedangkan kerangka kerja perakaunan konvensional adalah berasaskan penerimaan umum yang bertitik tolak dari pemahaman logik yang dapat diterima akal. Sesuatu yang pelik, terdapat

juga sarjana perakaunan moden seperti Napier melalui penelitian dalam beberapa ulasan karya, yang bersetuju dengan kerangka kerja perakaunan yang sedia ada. Perkara asas yang membezakan kerangka kerja perakaunan Islam dengan yang sedia ada adalah tumpuan asasnya kepada mentauhidkan Allah sebagai asas permulaan sesuatu konsep. Kriteria-kriteria dalam perakaunan Islam adalah berdasarkan kepada lima kriteria utama sebagaimana yang telah dibincangkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kajian yang telah dibuat mendapati bahawa kurangnya minat masyarakat khususnya masyarakat Islam dalam memberi tumpuan kepada amalan berdasarkan kerangka kerja perakaunan Islam secara amnya di dunia pada masa kini.

### Rujukan

- Adnan, M. A. and Gaffikin, M 1997. The Shariah, Islamic banks and accounting concepts and practices. Proceedings of International Conference 1: Accounting, Commerce and Finance: The Islamic perspective, Sydney, Australia: University of Western Sydney
- Al Quran Al Karim.
- Asfadillah, C., Nur Latifah, I., dan Sulaiman, R. (2012). The Importance of Islamic Accounting in Modern Era. Cambridge Business and Economic Conference. June 27-28, Cambridge, United Kingdom.
- Baydoun, N., & Willett, R. (2000). *Islamic Corporate Reports*. ABACUS, 36(1).
- Godfrey, J., Hogson, A., Tarca, A., Hamilton J., dan Holmes, S. (2010). *Accounting Theory*. (7TH Edition). John Wiley & Sons Australia Ltd: Singapore.

- Haniffa, R. dan Hudaib, A.M. (2002).  
A Theoretical Framework for  
the Development of the Islamic  
Perspective Accounting.  
*Accounting Commerce and  
Finance: The Islamic  
Perspective Journal* 6 (1 & 2),  
June and December.
- Harahap, S. S. (2008). *Kerangka Teori  
dan Tujuan Akuntansi Syariah*.  
Jakarta: Pustaka Quantum.
- Mirza, M. dan Bardouyn, N. (1999).  
*Developing Accounting  
Standards for an Islamic  
Society. Accounting Policy  
Choice in an Interest-Free  
Environment*. Working Paper  
No. 1999- 014.
- Napier, C., dan Haniffa, R. (2011).  
Islamic Accounting. Edited.  
Edward Elgar Publishing  
Limited.
- Shahul Hameed bin Hj. Mohammad  
Ibrahim, 2000, The need for  
Islamic Accounting Perception  
of Malaysian Muslim,  
Accountants, Academics on  
the Objective and  
Characteristics of Islamic  
Accounting. Ph.D Thesis.  
University of Dundee
- Sulaiman, M. (2003). The Influence of  
Riba and Zakat on Islamic  
Accounting. *Indonesian  
Management and Accounting  
Review*, 2(2), 149-167.
- Yaya, R. (2003). Would the Objectives  
and Characteristics of Islamic  
Accounting for Islamic  
Business Organizations Meet  
the Islamic Socio-Economic  
Objectives? *Jurnal Akuntansi  
dan Auditing Indonesia*, 8(2),  
141-163.